

08 SEP 1998

MUSTAPA: ANWAR TAK PATUT JELAJAH NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua yang baru dilantik Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata adalah tidak wajar Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelajah ke seluruh negara berikutan pelucutan jawatannya daripada kerajaan dan parti.

"Tak patut sangatlah (Anwar menjelajah). Sebagai seorang yang pernah mendokong dasar kerajaan dan sebagai bekas orang nombor dua adalah amat tidak manis untuk mempertikaikan beberapa perkara yang diputuskan bersama dan didokong bersama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan restoran pertama "Beverlyhills Pizza" di sini. Jabatan Perdana Menteri semalam mengumumkan pelantikan Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan sebagai Menteri Kewangan Kedua sementara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan Pertama.

Sementara itu Anwar hari ini dilaporkan membatalkan hasrat untuk menjelajah ke seluruh negara. Beliau pada mulanya merancang memulakan penjelajahannya Sabtu lepas tetapi menundanya kepada Rabu ini.

Sebaliknya Anwar, yang dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan disingkirkan daripada Umno sehari kemudian, bercadang untuk berada di rumahnya di Bukit Damansara di sini.

Mustapa juga melahirkan keyakinan tentang taklimat Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini dapat memberi penjelasan dan kefahaman yang mendalam mengenai keputusan Majlis Tertinggi UMNO untuk memecat Anwar daripada jawatan-jawatannya dan juga daripada parti baru-baru ini.

"Saya yakin ia akan memberi penjelasan dan kefahaman yang mendalam dan dengan itu anggota-anggota UMNO, walaupun tak semua, akan menerima keputusan yang dibuat oleh MT," katanya lagi.

-- BERNAMA

ZMY PR